

SOALAN NO. 390

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN SIVARASA A/L K.
RASIAH
[SUBANG]**

SOALAN :

YB Tuan Sivarasa A/L K. Rasiah [Subang] minta PERDANA MENTERI menyatakan komposisi etnik/bangsa/kaum penjawat awam di peringkat Persekutuan dan juga di Sabah dan Sarawak dalam angka dan peratusannya.

234

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pengisian penjawat awam di peringkat Persekutuan dan juga di Sabah dan Sarawak adalah seramai 1,282,726 pegawai. Daripada jumlah tersebut, pecahan mengikut peratus kaum adalah 77.0% Melayu, 6.6% Cina, 4.0% India dan 12.4% lain-lain (Bumiputera Sabah, Bumiputera Sarawak, Orang Asli Semenanjung, Siam dan lain-lain).

Walau bagaimanapun, jika tidak mengambil kira pengisian dalam Angkatan Tentera Malaysia dan Pasukan Polis, pengisian mengikut pecahan peratus kaum menunjukkan 76.0% Melayu, 7.4% Cina, 4.3% India dan 12.3% lain-lain.

Berhubung pertanyaan Ahli Yang Berhormat mengenai jumlah pengisian penjawat awam di peringkat Persekutuan di Sabah dan Sarawak pula, seramai 90,150 pegawai di Sabah dengan pecahan mengikut kaum adalah 67.34% Bumiputera Sabah, 2.01% Bumiputera Sarawak, 24.07% Melayu, 5.63% Cina dan 0.95% India. Manakala di Sarawak, sejumlah 93,177 pegawai dengan pecahan mengikut kaum menunjukkan 42.23% Bumiputera Sarawak, 1.68% Bumiputera Sabah, 39.34% Melayu, 16.01% Cina dan 0.75% India.

Sekian, terima kasih.

RT24/391

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN SIVARASA A/L K. RASIAH
DARIPADA [SUBANG]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Sivarasa A/L K. Rasiah [Subang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan semua sekolah di mana Kementerian sekarang menjalankan Program DLP dan untuk setiap sekolah, berapa murid dan kumpulan atau bilik kelas untuk setiap darjah dan sekiranya ada aliran biasa dalam bahasa Tamil dalam sekolah itu, berapa murid dan bilik kelas dalam setiap darjah dijalankan.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pada masa ini, terdapat sejumlah 1214 buah sekolah rendah dan menengah seluruh yang melaksanakan *Dual Language Programme* (DLP) iaitu melibatkan 585 buah sekolah rendah dan 629 buah sekolah menengah. Secara keseluruhan, jumlah murid sekolah rendah dan menengah yang mengikuti DLP adalah seramai 105,954 orang. Bagi sekolah rendah, seramai 46,501 orang terlibat merangkumi murid Tahun 1, 2, 4 dan 5, manakala bagi sekolah menengah pula, murid yang terlibat adalah seramai 59,453 orang iaitu daripada Tingkatan 1 dan 2.

Bagi Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT), terdapat 45 buah sekolah yang melaksanakan DLP bagi sesi persekolahan 2017. Daripada jumlah tersebut, sejumlah 37 buah sekolah adalah sekolah bandar dan 8 buah sekolah luar bandar. Sebanyak 109 buah kelas Tahun 1 dengan 3,163 orang murid, dan 94 buah kelas Tahun 4 dengan 2,730 orang murid mengambil DLP. Jumlah keseluruhan kelas DLP di SJKT seluruh negara bagi tahun 2017 adalah 203 kelas, yang melibatkan 5,893 orang murid.